

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah lesen perikanan yang dikeluarkan kepada nelayan di negeri Pulau Pinang mengikut zon perikanan mengikut tahun dalam masa 5 tahun kebelakangan ini dan berapakah permohonan yang ditangguhkan dan sebab penangguhan tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pengezonan kawasan menangkap ikan telah dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) sejak tahun 1982 bertujuan untuk memastikan kelestarian sumber perikanan di samping mengelakkan konflik di antara nelayan tradisional dan komersil. Berkuatkuasa pada 17 Mei 2016, kawasan menangkap ikan di perairan Pulau Pinang telah disusun semula seperti berikut:

- Zon A (0 hingga 8 batu nautika) dikhaskan kepada sampan/vesel nelayan tradisional.
- Zon B (8 hingga 15 batu nautika) dikhaskan kepada vesel nelayan komersial bermuatan 40 *Gross Register Tonnage* (GRT) dan ke bawah.
- Zon C (15 hingga perairan sempadan antarabangsa) dikhaskan kepada vesel nelayan komersial bermuatan 40 GRT ke atas termasuk Zon C2.

2. Berdasarkan kepada perangkaan DOF, lesen vesel perikanan yang dikeluarkan kepada nelayan di Pulau Pinang mengikut zon perikanan dalam tempoh 5 tahun adalah seperti berikut:

Zon/Tahun	2014*	2015*	2016	2017	2018
Zon A	3,525	2,601	2,776	2,762	2,741
Zon B	123	97	106	106	107
Zon C	7	3	13	13	12
Zon C2	7	6	10	19	19
Jumlah	3,662	2,707	2,905	2,900	2,879

* anggaran sahaja kerana pecahan vesel berdasarkan zon dibuat oleh DOF bermula pada tahun 2016

3. Pada masa ini, tiada pemohonan lesen vesel yang ditangguhkan kerana DOF telah melaksanakan dasar pembekuan sementara ke atas semua permohonan baru lesen vesel zon A, B dan C sejak tahun 1982. Manakala permohonan lesen vesel zon C2 dan C3 masih lagi dibuka kepada syarikat yang ingin menceburi industri perikanan laut dalam/tuna.

Sekian, terima kasih.